

23 SEP 2000

MCA TERIMA GERAKAN TERAJUI PULAU PINANG, KATA DR LING

PULAU PINANG, 23 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata parti itu menerima sistem agihan kuasa yang memberikan mandat kepada parti Gerakan untuk menerajui kerajaan Barisan Nasional di Pulau Pinang.

Keputusan itu dibuat mengikut semangat Barisan Nasional (BN) yang membolehkan setiap anggota komponennya memainkan peranan masing-masing, katanya pada persidangan berita selepas majlis perasmian Persidangan Perwakilan Gerakan Kebangsaan di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden BN, bahawa Gerakan akan terus menerajui kerajaan BN di negeri ini walaupun parti itu memenangi kerusi yang kurang daripada parti komponen lain di Dewan Undangan Negeri.

"Dalam kerajaan Perikatan dahulu, kita telah melihat semangat yang sama apabila Umno mempunyai wakil lebih ramai dari MCA tetapi Tan Sri Wong Pow Nee masih kekal menjadi Ketua Menteri," katanya.

Dr Ling berkata, semua pihak patut menerima formula itu selagi ia memberikan kestabilan politik.

-- BERNAMA

NER AKD